

**DAKWAH KEPADA MUSYRIKIN
BERDASARKAN SURAH *AL-AN'ĀM*: SATU
KAJIAN PENERAPANNYA TERHADAP ORANG
ASLI DI NEGERI SELANGOR.**

Oleh

SYED ABDURAHMAN BIN SYED HUSSIN.

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Doktor Falsafah**

2003

Akhir sekali ucapan terima kasih paling istimewa buat ayahanda dan bonda yang telah memberikan kasih sayang serta pendidikan agama dan mengajarkan pengertian hidup Islam yang merupakan sesuatu yang tidak dapat dinilai dengan segalanya di dunia. Dipohonkan ke hadrat Allah semoga roh ayahanda dirahmati dan dimasukkan bersama orang-orang diredai. Buat bonda serta isteri yang setia mengharungi hidup semoga sentiasa dicucuri rahmat dan inayah Allah dalam sepanjang kehidupan yang berbaki. Amin ya Rabb al-'Alamin.

Syed Abdurahman bin Syed Hussin

No. 13 Jalan Nuri 7/10,

Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya.

JADUAL KANDUNGAN

| | |
|-----------------------|------|
| MUKA SURAT JUDUL | i |
| PENGHARGAAN | iii |
| JADUAL KANDUNGAN | vi |
| SENARAI JADUAL | ix |
| SENARAI SINGKATAN | xi |
| PANDUAN TRANSLITERASI | xiii |
| ABSTRAK | xv |
| ABSTRACT | xvii |

BAB PERTAMA : PENDAHULUAN

| | |
|----------------------------|----|
| 1.1. Latarbelakang Masalah | 1 |
| 1.2. Kajian Sebelum | 9 |
| 1.3. Skop Kajian | 25 |
| 1.4. Kepentingan Kajian | 35 |
| 1.5. Tujuan Penyelidikan | 36 |
| 1.6. Metodologi Penulisan | 37 |

BAB KEDUA : DAKWAH KEPADA MUSYRIKIN BERDASARKAN SURAH

AL-ANĀM

| | |
|--|----|
| 2.1. Pengertian Dakwah Dari Sudut Bahasa dan Istilah | 41 |
| 2.2. <i>Manhaj</i> Dakwah | 50 |
| 2.2.1. Kepentingan <i>Manhaj</i> Dalam Menjayakan Dakwah | 51 |
| 2.2.2. Islam Dan Perancangan | 52 |

| | | |
|--------|---|-----|
| 2.2.3. | Peringkat Makkah | 56 |
| 2.2.4. | Peringkat Madinah | 64 |
| 2.3. | <i>Uslūb</i> Dakwah | 66 |
| 2.3.1. | Teras <i>Uslūb</i> Dakwah | 69 |
| 2.3.2. | Pandangan Ulama Tentang Penggunaannya | 79 |
| 2.4. | <i>Wasāil</i> (Media) Dakwah | 82 |
| 2.5. | Pendekatan Dakwah Berdasarkan Surah | 90 |
| 2.5.1. | Pendekatan Isi | 90 |
| 2.5.2. | Menggerakkan Fitrah Manusia Terhadap Penciptaan | 91 |
| 2.5.3. | Meneliti dan Mengkaji Sejarah Umat Dahulu | 113 |
| 2.5.4. | Menjelaskan Keesaan Allah Yang Tidak Memerlukan Sekutu Dalam UrusanNya | 121 |
| 2.5.5. | Menunjukkan Kelemahan Segala Sembahan Selain Allah | 124 |
| 2.5.6. | Menjelaskan Akibat Syirik Di Dunia Dan Akhirat | 129 |
| 2.5.7. | Menjelaskan Nilai Hidup Dunia | 146 |
| 2.5.8. | Menjelaskan Peranan Manusia Di Bumi | 150 |
| 2.6. | Pendekatan <i>Uslūb</i> | 152 |
| 2.6.1. | Menggabungkan Antara Pujukan Dan Penggerunan (<i>targhīb dan tarhīb</i>) | 153 |
| 2.6.2. | Membawa Perumpamaan dan Perbandingan | 163 |
| 2.6.3. | Penceritaan | 166 |
| 2.6.4. | Dialog Dan Soal Jawab | 171 |
| 2.6.5. | Menunjukkan Contoh Tauladan Yang Baik. (<i>qudwah</i>) | 182 |

BAB KETIGA: SEJARAH DAN PENDAKWAHAN TERHADAPNYA DI NEGERI SELANGOR

| | | |
|--------|--|-----|
| 3.1. | Orang Asli Di Malaysia: Taburan Penduduk, Cara Hidup dan Kepercayaan Secara Umum | 186 |
| 3.1.1. | Kepercayaan, Adat Resam dan Pantang Larang Orang Asli Secara Umum | 199 |
| 3.2. | Orang Asli Di Negeri Selangor | 247 |
| 3.3 | Perbezaan Muysrikin `Arab Semasa Penurunan Al-Quran Dengan Orang Asli Di Malaysia | 248 |
| 3.3.1. | Pegangan Hidup (Kepercayaan) | 249 |
| 3.3.2. | Hubungan Kemasyarakatan | 260 |
| 3.3.3. | Bahasa dan Kesusasteraan | 262 |
| 3.3.4 | Masyarakat Bernegara | 265 |
| 3.4 | Penglibatan Dalam Dakwah Kepada Orang Asli Di Negeri Selangor | 267 |
| 3.5 | Pihak Yang Terlibat Dalam Dakwah Terhadap Orang Asli Di Selangor Dan Pendekatannya | 273 |
| 3.6 | Permasalahan Serta Halangan Dakwah Kepada Orang Asli | 317 |
| | BAB KEEMPAT: ANALISIS DATA | 347 |
| | BAB KELIMA: HASIL KAJIAN DAN SARANAN | 415 |
| | BIBLIOGRAFI | 438 |
| | LAMPIRAN | 463 |

SENARAI JADUAL

| Bil | Judul Jadual | Halaman |
|------------|--|----------------|
| 1. | Jantina Responden | 349 |
| 2. | Peringkat Umur Responden | 350 |
| 3. | Taraf Perkahwinan | 351 |
| 4. | Taraf Pendidikan | 352 |
| 5. | Pekerjaan Responden | 353 |
| 6. | Pendapatan Responden | 354 |
| 7. | Jiran Berhampiran | 355 |
| 8. | Jangka Masa Memeluk Islam | 356 |
| 9. | Faktor Penyebab Kepada Penerimaan Islam | 357 |
| 10. | Pendorong Kepada Pemeluk Islam | 359 |
| 11. | Badan-Badan Dakwah Yang Terlibat Dalam Usaha Pendakwaan | 361 |
| 12. | Faktor Tarikan Terhadap Pendakwah | 362 |
| 13. | Kekerapan Pendakwah Mengunjungi Perkampungan Orang Asli | 365 |
| 14. | Pelajaran Yang Diajarkan Di Surau-surau | 367 |
| 15. | Bidang Pengajian Yang Diminati | 369 |
| 16. | Sebab Meminati Bidang Tertentu | 370 |
| 17. | Cara Pembelajaran Al-Quran | 374 |
| 18. | Penjelasan Tentang Syirik | 375 |
| 19. | Pengertian Syirik | 376 |
| 20. | Bahaya Syirik | 379 |
| 21. | Penjelasan Tentang Keesaan Allah Oleh Pendakwah | 381 |
| 22. | Tanggapan Terhadap Kaum Dahulukala | 384 |
| 23. | Pengertian Hidup | 388 |
| 24. | Peranan Seorang Muslim | 391 |
| 25. | Bentuk-Bentuk Penyampaian Dakwah | 394 |
| 26. | Dorongan Memeluk Islam Mengikut Kawasan Tempat Tinggal | 395 |
| 27. | Taraf Pendidikan Dan Bidang Yang Diminati | 400 |
| 28. | Dorongan Untuk Memeluk Islam Di Kalangan Orang Asli Mengikut Badan Dakwah | 404 |
| 29. | Bidang Yang Diajar Dan Kaitannya Dengan Kefahaman | |

| | | |
|-----|--|-----|
| | Terhadap Rukun Islam | 409 |
| 30. | Jenis Kelas Agama Dan Kaitannya Dengan Pemahaman Tentang Syirik | 411 |
| 31. | Pengenalan Umat Dahulukala Melalui Berbagai Bidang Ilmu Islam | 412 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|--------|--|
| ABIM | Angkatan Belia Islam Malaysia. |
| (a.s) | `alaih al-Salam |
| ASDAF | Asrama Dar al-Falah |
| BAHEIS | Bahagian Hal Ehwal Islam. |
| Bhd. | Berhad. |
| Bil. | Bilangan. |
| BAKOIS | Badan Kebajikan Orang Asli Islam. |
| Cet | Cetakan. |
| Co. | Company. |
| Corp. | Corporation. |
| DBP | Dewan Bahasa Dan Pustaka. |
| Dlm | Dalam. |
| DOA | Dakwah Orang Asli. |
| Dr. | Doktor |
| Edit | Editor. |
| FPI | Fakulti Pengajian Islam. |
| H. | Hijrah |
| Ibid | Ibiden, dalam buku, bab, hlm dsb yang sama seperti sebelumnya. |
| IDIP | Institut Dakwah Islamiyyah PERKIM. |
| Inc | Incorporated. |
| INDAH | Institut Dakwah Dan Latihan Islam. |
| IOA | Islamic Outreach ABIM. |
| JAIS | Jabatan Agama Islam Selangor. |
| JAKIM | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. |
| JHEOA | Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. |
| Jil | Jilid. |
| JKKK | Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung. |
| JPM | Jabatan Perdana Menteri. |
| Juz | Juzu`. |
| KDN | Kementerian Dalam Negeri. |
| K.L | Kuala Lumpur. |
| Kg. | Kampung. |
| KPLB | Kementerian Pembangunan Luar Bandar. |
| KPNPM | Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat. |
| KSN | Ketua Setiausaha Negara. |
| KUMTIS | Kumpulan Tindakan Sivik. |
| Ltd | Limited. |
| M. | Masehi. |
| m | Meninggal |
| MAIS | Majlis Agama Islam Selangor. |
| MKN | Majlis Keselamatan Negara. |
| No | Nombor. |
| PERKIM | Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia. |
| PPRT | Program Pembangunan Rakyat Termiskin. |
| Prof | Profesor. |

| | |
|---------|-------------------------------------|
| (r.a) | Radiyallahu `anhu. |
| R.M | Ringgit Malaysia. |
| (s.a.w) | Salla Allah `alaih wa sallam. |
| (s.w.t) | Subhanahu wa Ta`ala. |
| Sdn | Sendirian. |
| Sunt | Suntingan. |
| t.h. | Tanpa halaman. |
| t.p. | Tanpa penerbit. |
| t.tc | Tanpa tarikh cetak. |
| Terj | Terjemahan. |
| UDB | Unit Dakwah Bergerak. |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia. |
| UM | Universiti Malaya. |
| UPP | Unit Penyelarasan Pelaksanaan |
| UPR | Unit Pembangunan Rohaniah. |
| Vol | Volume. |
| YADIM | Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia. |
| YTM | Yang Teramat Mulia. |

PANDUAN TRANSLITERASI.

Panduan merumikan, frasa dan nama-nama khas bahasa Arab dalam tesis ini adalah berasaskan kepada kaedah transliterasi yang terdapat dalam Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi terbitan DBP kecuali perkataan yang lazim digunakan dalam bahasa Melayu termasuk perkataan Abdullah. Abjad Arab dan sebutannya ditransliterasikan mengikut panduan seperti berikut:

| Abjad | Sebutan Arab | Transliterasi rumi |
|-------|--------------|--------------------|
| ا | (alif) | a |
| ب | (bā') | b |
| ت | (tā') | t |
| ث | (thā') | th |
| ج | (jīm) | j |
| ح | (ḥā') | h |
| خ | (khā') | kh |
| د | (dāl) | d' |
| ذ | (dhāl) | dh |
| ر | (rā') | r |
| ز | (zay) | z |
| س | (sīn) | s |
| ش | (shīn) | sy |
| ص | (ṣād) | s |
| ض | (ḍād) | d |
| ط | (ṭā') | t |

| | | |
|----|----------------|----|
| ظ | (ḡā') | z |
| ع | (`āin) | , |
| غ | (gh̄yn) | gh |
| ف | (fā') | f |
| ق | (qāf) | q |
| ك | (kāf) | k |
| ل | (lām) | l |
| م | (mīm) | m |
| ن | (nūn) | n |
| و | (waw) | w |
| هـ | (hā') | h |
| ء | (hamzah) | , |
| ي | (yā') | y |
| ة | (ta' marbutāt) | t |

Terjemahan ayat-ayatal-Quran dalam tesis ini adalah berpandukan kepada *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran* terbitan bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Abstrak.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti metod dakwah terhadap golongan musyrikin yang terkandung dalam surah *al-An`ām* yang memfokuskan seluruh pembicaraannya terhadap permasalahan syirik dari berbagai aspeknya serta cara berdakwah terhadap penganutnya dengan tujuan menerlahkan metod tersebut untuk menjadi panduan dalam berdakwah. Di samping itu juga bagi mengenal pasti sejauhmana penerapan metod yang terkandung dalam surah tersebut telah diimplimentasikan oleh pendakwah dalam kegiatan dakwahnya terhadap Orang Asli di Negeri Selangor.

Secara umumnya kajian ini telah membincangkan konsep dakwah dalam ilmu pendakwahan dengan menyentuh pengertian dakwah dan keperluan manusia terhadapnya. hukum berdakwah, *manhaj* dakwah, *wasāil* (saluran) dakwah, *uslūb* dakwah dan sasarannya.

Seterusnya kajian ini telah menggarapkan pendekatan-pendekatan dalam berdakwah kepada musyrikin yang terkandung dalam surah *al-An`ām* yang terdiri dari pendekatan isi dakwah serta pendekatan penyampaian.

Kajian ini juga memperlihatkan kegiatan-kegiatan dakwah yang dilakukan oleh pelbagai institusi dakwah serta pendekatannya, di samping menyorot pelbagai

permasalahan dan halangan dalam mempraktikkan metod dakwah anjuran surah *al-An`ām* dalam pendakwahannya terhadap Orang Asli di Negeri Selangor.

Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan institusi dakwah yang melakukan usaha dakwahnya terhadap Orang Asli di Negeri Selangor setakat ini lebih banyak menggunakan pendekatan dakwah *bi al-hāl* berbanding penjelasan mengenai Islam secara terus, kecuali selepas mereka memeluk Islam. Pemeluk Islam di kalangan Orang Asli Selangor masih baru serta pengetahuan Islam mereka juga masih di peringkat mempelajari asas Islam terutamanya fardu ain. Pendekatan dakwan *bi al-hal* juga lebih banyak digunakan kerana ianya berkait rapat dengan suasana kehidupan Orang Asli yang amat jauh bezanya dengan masyarakat Arab di awal Islam dari berbagai sudut, di samping sikap mereka yang terlalu kuat berpegang dengan adat resam dan tradisi yang diwarisi, serta sikap prajudis yang masih menebal terhadap Orang Melayu dan Islam. Dengan itu pendekatan yang dianjurkan dalam surah al-An`ām tidak dapat dipraktikkan sekali gus sebaliknya perlu disesuaikan dengan keadaan Orang Asli dari berbagai aspeknya.

ABSTRACT

“*DAKWAH* TO POLYTHEISTS BASED ON SURAH *AL-AN`ĀM*: A STUDY ON ITS APPLICATION ON *ORANG ASLI* IN SELANGOR.

The study aims to identify the method of *dakwah* towards the *musyrikin* (non believers) as provided in *surah al-An`ām*. The discussion in *surah al-An`ām* focuses on the problem of *syirik* from various aspects and ways to impliment *dakwah* with the purpose to highlight the method and provide a guideline in *dakwah* activities. The study also aims to identify the extent to which the method contained in the *surah* has been implemented in the *dakwah* activity on the indigenous people (*Orang Asli*) in the state of Selangor.

In general, this study discusses the concepts and methodology of *dakwah*, touching on the issues of definition of *dakwah* and human needs, responsibility, curricula, media, method of *dakwah*, ways to deliver the *dakwah* and its objectives.

In addition, the study tries to formulate approaches of *dakwah* from *surah al-An`ām* with include the contents and method of *dakwah*.

The study discloses the activities and approaches of *dakwah* undertaken by *dakwah* institution. The study reviews the problems and obstacles in practicing the method of *dakwah*, as mentioned in *surah al-An`ām*, in the *dakwah* activities on *Orang Asli* in the state of Selangor.

In the study shows that most *dakwah* institution involved in *dakwah* towards *Orang Asli* in Selangor use the *bi al-hāl* approach instead of given a direct explanation of Islam. Explanation of Islam was only given once the people were converted to Islam. Conversion to Islam by *Orang Asli* in Selangor is still infant stage, their knowledge of Islam is still centred on the foundation of Islam, in particular *fardu ain*. *Bi al-hāl* approach is frequently adopted because the way of life of these *Orang Asli* is far different in various ways from the Arabs at the beginning of Islam. *Orang Asli* holds very tightly to their culture and tradition and are still prejudiced towards the Malays and Islam. Therefore, the approach as mentioned in *surah al-An`ām* cannot be practiced in total but will have to be adjusted to suit the situation of the *Orang Asli*.

BAB PERTAMA

“ PENDAHULUAN ”

1.1 : Latarbelakang Masalah.

Malaysia merupakan sebuah negara yang warganya terdiri dari berbagai kaum dan etnik atau masyarakatnya berbentuk majmuk yang menganuti pelbagai kepercayaan agama serta memiliki pelbagai bentuk adat resam dan tradisi kehidupan yang menjadikannya kaya dengan pelbagai bentuk dan ragam rakyatnya.

Jumlah penduduk Malaysia mengikut bancian 1991 adalah seramai 17,563,420. Dari jumlah tersebut seramai 98,494 orang adalah Orang Asli yang merupakan bumiputera serta pribumi asal negara ini. Jumlah tersebut menyamai 0.7% dari keseluruhan penduduk Malaysia.¹

Mengikut bancian Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pada tahun 1997 jumlah di atas telah meningkat kepada 103,982², pertambahan sebanyak 5488 orang dalam tempoh enam tahun.

¹ Jabatan Perangkaan Malaysia, **Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 1991**, Kuala Lumpur, Jil: 2, Februari 1995, hlm: 3.

² Bahagian Penyelidikan Dan Penerangan JHEOA, **Data Anutan Agama Bagi Orang Asli Mengikut Negeri Seluruh Semenanjung Malaysia Hingga 31 Mei 1997**, Julai 1997, t.h.

Orang Asli terdapat di semua negeri di Malaysia Barat selain dari Pulau Pinang dan Perlis.³

Dari segi penganutan agama di kalangan Orang Asli, mengikut bancian JHEOA pada tahun 1997 adalah seperti berikut; Islam sebanyak 15.77% bersamaan dengan 16,400 orang, Kristian 5.74% bersamaan dengan 5964 orang, Bahai 1.46% bersamaan dengan 1,519 orang, Budha 0.03% bersamaan 33 orang, lain-lain sebanyak 0.0008% atau seramai 9 orang, manakala selebihnya iaitu 76.99% bersamaan dengan jumlah seramai 80,057 adalah masih menganut fahaman asal iaitu animisme.⁴

Dari data di atas dapat dilihat dengan jelas bahawa sebahagian besar Orang Asli masih lagi kekal dengan anutan lama yang diwarisi dari datuk nenek mereka iaitu animisme yang merupakan satu cabang dari anutan yang berbentuk syirik terhadap Allah. Dari jumlah 103,982 orang Asli yang terdapat di Semenanjung seramai 80,057 masih berfahaman animisme dan selebihnya menganut berbagai agama termasuk Islam. Jumlah penganutan Islam mengikut negeri adalah seperti berikut; Johor 3,904 orang, Kedah 108 orang, Kelantan 1,146 orang, Melaka 118 orang, Negeri sembilan 592 orang, Pahang 3,428, Perak 5,349 orang, Selangor dan Wilayah 1,206 orang dan Terengganu 549 orang.

³ Iskandar Carey, *Orang Asli: The Aboriginal Tribes Of Peninsular Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur 1967, hlm: 10. Major P.D.R William Hunt, *An Introduction To The Malay Aborigines*, Percetakan Kerajaan Malaysia, Kuala Lumpur 1952, hlm: 9.

Meskipun Malaysia telah mencapai kemerdekaan semenjak 42 tahun serta menyatakan dalam perkara 3 Perlembagaan Malaysia bahawa Islam adalah agama negara, di samping itu merupakan medan terbaik untuk para pendakwah melakukan usaha-usaha dakwah berasaskan penduduknya yang berbilang kaum dan anutan, namun begitu usaha-usaha dakwah keluar iaitu menyebarkan Islam kepada masyarakat belum Islam tidak berjalan serentak dan seiring dengan usaha dakwah ke dalam.

Tidak dapat ditentukan dengan tepat bilakah tarikh bermulanya dakwah kepada masyarakat orang Asli kerana tidak terdapat di sana catatan atau sejarah lengkap mengenai usaha tersebut. Catatan bertulis yang pertama menyatakan usaha dakwah ini adalah yang ditulis oleh Mohd Najmuddin bin Hj. Muhammad Salim yang mengesahkan usaha dakwah yang dilakukan oleh bapanya iaitu Hj. Muhammad Salim bin Muhammad Dawi yang merupakan seorang naib Kadi di Kampar Perak. Beliau terkenal dengan panggilan “Lebai Salim”. Beliau telah melakukan usaha dakwah terhadap Orang Asli di Kampung Palawan, Langkap dan Hulu Keroh Perak dalam tahun 1933. Beliau telah berjaya mengislamkan 100 orang Asli sehingga berita mengenai pengislaman tersebut telah disiarkan dalam akhbar Saudara tahun 8, Bil, 609 bertarikh 6 Mei 1936.⁵

⁴ Bahagian Penyelidikan Dan Penerangan JHEOA, *Op Cit*, t.h.

⁵ Zakuan Sawai, *Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli: Kajian Khusus Mengenai Transformasi Minda Masyarakat Semai Selepas Memeluk Islam*, Tesis Sarjana Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1996/97, hlm: 85-86.

Kerajaan telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sejak tahun 1954 lagi, namun matlamat dan peranan utama penubuhannya bukanlah untuk memberikan tumpuan kepada usaha mengislamkan Orang Asli, tetapi atas sebab-sebab lain yang berkaitan dengan senario politik negara dari semasa ke semasa. Penubuhannya lebih kepada soal keselamatan dan pembangunan fizikal terutamanya untuk mengawal Orang Asli di zaman darurat dari dipengaruhi oleh anasir-anasir komunis, di samping untuk meningkatkan taraf hidup mereka di bidang sosio ekonomi dan mengintegrasikannya ke dalam masyarakat majmuk.⁶ Dalam tahun 1973 barulah diwujudkan satu unit khusus di bawah Unit Penyelidikan Dan Penerangan bertujuan untuk memberikan tumpuan kepada soal kerohanian termasuk soal dakwah dan penyebaran Islam di kalangan Orang Asli yang dinamakan Unit Pembangunan Rohaniah. Dengan wujudnya unit ini barulah program-program yang berbentuk kerohanian diberikan perhatian. Namun unit ini tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana pegawainya tidak mencukupi disebabkan ianya merupakan sebuah unit kecil disamping tidak mempunyai pendakwah yang cukup serta berkemampuan juga peruntukan yang terhad.⁷ Pada tahun 1977 Pusat Islam Malaysia mengambil peranan bekerjasama dengan JHEOA untuk melatih pendakwah dari kalangan kakitangan UPR bagi melahirkan pendakwah di kalangan Orang Asli⁸, dan pada tahun yang sama juga mengikut kajian Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri telah

⁶ Osman C. Cassim, **Panduan Tugas Pembangunan Orang Asli Di Dalam Masyarakat Malaysia** **Moden**, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, 1978, hlm: iii.

⁷ JHEOA, **Ringkasan Program**, t.t.c, hlm: 3.

⁸ PERKIM, **Dakwah Islamiyah Di Kalangan orang Asli**, kertas kerja "Seminar dakwah Islamiyah Di Kalangan Masyarakat Orang Asli Di Malaysia, di Universiti Malaya pada 21-23 Mei 1980, hlm: 6.

bermula gerakan dakwah yang aktif di kalangan penduduk Orang Asli di Negeri Selangor di beberapa buah kampung seperti Kampung Kuala Pangsun, Kampung Bukit Lanjan Daerah Gombak dan Bukit Bangkong di Tanjung Sepat.⁹

PERKIM yang ditubuhkan pada tahun 1960 dengan tujuan menjalankan dakwah di kalangan orang Islam dan bukan Islam, baru memberikan tumpuan dakwahnya kepada masyarakat orang Asli pada tahun 1984 melalui Klinik Bergerak PERKIM, kemudiannya disusun dengan lebih rapi dan sistematik tahun 1994 apabila Unit Dakwah Bergerak di tubuhkan.¹⁰

Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam memberikan perhatian ke arah melaksanakan dakwahnya kepada masyarakat Orang Asli sekitar tahun 1972 melalui kerjasama dengan JHEOA untuk tujuan tersebut. Rancangan permulaan dengan mengambil perkampungan baharu Orang Asli di Ulu Pangson menjadi kampung angkat, namun begitu usaha ini gagal.¹¹

Dalam tahun yang sama Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam melalui kerjasama dengan JHEOA telah melantik seorang guru agama yang ditempatkan di hospital

⁹ Bahagian Ugama JPM, **Ke Arah Pengislaman Orang Asli Di Malaysia Dan Masalah-Masalah Yang DiHadapi**, Seminar Dakwah Islamiah Di Kalangan Masyarakat Orang Asli Di Malaysia, di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 21-23 Mei 1980, hlm: 7.

¹⁰ Wawancara dengan Hj. Shahidan b. Hj. Abdullah, Timbalan Pengarah Dakwah PERKIM di pejabatnya di bangunan PERKIM Jalan Ipoh pada 18-6-98, jam 10-11 pagi.

¹¹ Mohd Bakri b. Hj. Mansor, **Sejauhmana usaha-usaha Dakwah Dibuat Oleh Bahagian Agama JPM Bagi Menarik Orang Asli Memeluk Islam Dan Usaha-Usaha Selanjutnya**, Kertas Kerja "Seminar Dakwah Saudara-Saudara Baru", anjuran Bersama Jawi dan PERKIM, 7 Nov 1982, hlm: 1-2.

Orang Asli Gombak dengan elaunnya dibayar oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam.¹²

Sebelum tahun 1980 Institut Dakwah Dan Latihan (INDAH) telah meletakkan urusan pengendalian dakwah kepada masyarakat Orang Asli di bawah sebuah unit kecil yang dikendalikan oleh seorang pegawai menyebabkannya tidak dapat berfungsi dengan baik, tetapi semenjak 1980 INDAH mula menganjurkan beberapa kursus yang melibatkan penyertaan dari beberapa kakitangan JHEOA khususnya dari UPR. Pada bulan Oktober 1980 Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam telah menubuhkan jawatankuasa yang diberi nama "Badan Penyelarasan Kebajikan Dan Kerohanian Orang-Orang Asli Peringkat Kebangsaan" yang dipengerusikan oleh Menteri atau Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab tentang hal ehwal Islam, anggotanya pula terdiri dari Setiausaha-setiausaha kerajaan negeri, Ketua Pengarah JHEOA serta beberapa individu yang dilantik mewakili institusi dan badan dakwah tertentu.¹³

Tahun 1983 Bahagian Agama JPM ditukar kepada Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS). INDAH merupakan satu cawangan di bawahnya yang mengendalikan urusan dakwah kepada masyarakat Orang Asli namun tidak memperlihatkan keaktifannya. Dalam mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang ke 19 pada 22 April 1991 telah meluluskan penubuhan

¹² **Ibid.**

cawangan dakwah khas Orang Asli di Malaysia dengan dikenali “Cawangan Dakwah Khas Orang Asli” atau ringkasnya “DOA”.¹⁴

JAIS telah menubuhkan satu unit yang bertanggungjawab dalam usaha dakwah kepada non-Muslim termasuk Orang Asli yang diberi nama “Unit Ukhuwwah” pada tahun 1977. Tujuan dari penubuhan unit ini adalah untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat bukan Islam, mewujudkan ukhuwwah Islamiyyah di kalangan saudara baru, mengurus dan menyelesaikan masalah berkaitan saudara baru dan menyediakan serta melaksanakan program-program dakwah yang berkesan untuk meningkatkan kefahaman Islam di kalangan saudara baru.¹⁵

Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM, bermula tahun 1992 telah memberikan tumpuan untuk mengadakan latihan amali dakwah di perkampungan Orang Asli yang belum memeluk Islam dengan bantuan DOA, BAHEIS, Jabatan Agama Islam negeri-negeri, JHEOA dan lain-lain agensi kerajaan serta institusi dakwah bukan kerajaan.¹⁶

Islamic Outreach ABIM (IOA) telah memulakan usaha dakwahnya kepada masyarakat Orang Asli pada tahun 1992 dengan mengambil pengalaman yang

¹³ BAHEIS, *Nota Taklimat Khas Aktiviti Dakwah Kepada Orang Asli*, 1994, hlm: 3 .

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Wawancara dengan ustaz Anwar Hamzah bin Tahir, Penolong Pengarah Unit Ukhuwwah dipejabatnya di Jabatan Agama Islam Selangor pada 17-12-98. *Zakuan Sawai, Op Cit*, hlm: 69-70.

¹⁶ *Zakuan Sawai, Op Cit*, hlm: 69-70.

diperolehi dari usahasama antara PERKIM- RISEAP dalam membangunkan masyarakat Orang Asli di Kuala Boh, Cameron Highland Pahang. I.O.A memulakan aktiviti pertamanya di dua buah kampung di Selangor iaitu Kampung Hulu Kemensah dan Hulu Pangson. Usaha ini diperluaskan lagi dalam tahun 1993 ke beberapa buah perkampungan lain di Selangor iaitu Kg. Sungai Lui, Kg. Genting Perah, Kg. Sungai Lalang Baru, Kg. Broga dan Kg. Gabai.¹⁷

Dari apa yang dipaparkan di atas jelas memperlihatkan bahawa usaha-usaha dakwah terhadap masyarakat Orang Asli di Malaysia umum dan Selangor secara khusus bermula agak terkemudian berbanding dengan dakwah ke dalam dan kepada masyarakat non-muslim lain. Usaha-usaha dakwah kepada Orang Asli secara aktif baru bermula sekitar tahun 70 an dalam erti tidak melebihi 30 tahun terakhir ini.

Jumlah Orang Asli di Negeri Selangor mengikut bancian 1997 ialah 10,864 yang tinggal dalam tujuh daerah di negeri ini. Kebanyakan Orang Asli di Selangor adalah dari kaum Melayu Asli dan Senoi. Dari jumlah tersebut yang memeluk Islam setakat ini seramai 1,206 orang. Hal ini amat perlu diberikan perhatian kerana setelah lebih dari tiga puluh tahun dakwah kepada masyarakat Orang Asli dilakukan oleh berbagai agensi yang telah dinyatakan dengan pelbagai pendekatan, ditambah lagi dengan kedudukan Selangor yang berhampiran dengan pusat pemerintahan negara yang mana

¹⁷ Nordin bin Ahmad, **Dakwah Dan Orang Asli Di Semenanjung Malaysia; Kajian Khusus Terhadap Rumpun Temuan Di Selangor**, Tesis Sarjana, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, 1998, hlm: 202.

berpusatnya segala badan dakwah dan tidak terlalu sukar untuk mendatangi tempat mereka, namun begitu kesan dakwah terhadap mereka amat kecil.

Keadaan ini amat menarik untuk diberikan tumpuan dan kajian bagi melihat sejauhmana berkesannya metodologi yang telah digunakan dalam usaha dakwah terhadap masyarakat Orang Asli oleh berbagai institusi dakwah serta membandingkannya dengan anjuran al-Qurān dalam surah *al-An`ām* yang memberikan fokus kepada pendekatan dakwah terhadap musyrikin, bagi melihat sejauhmana ketepatan metod yang telah berjalan dengan anjuran al-Qurān, sekiranya tidak tepat apa sebab yang menyekat dan halangan yang menghalang pendekatan anjuran al-Qurān itu dari direalisasikan.

1.2: Kajian Sebelum .

Kajian sebelum boleh difahami dengan dua maksud iaitu pertama; pentafsiran kepada surah *al-An`ām* itu sendiri yang dibuat dalam bentuk menerlah metode atau pendekatan dakwah kepada golongan musyrikin secara ditil dan terperinci. Keduanya; kajian tentang pendekatan dakwah kepada Orang Asli berdasarkan pemahaman kepada surah *al-An`ām* yang memfokuskan pembicaraannya kepada golongan musyrikin berasaskan bahawa Orang Asli juga adalah termasuk ke dalam golongan musyrikin berdasarkan anutan animisme yang diamalkan oleh mereka.

Berkaitan dengan maksud pertama; pengkaji setakat ini belum mendapati satu kajian yang memberikan tumpuan khusus dalam bentuk kajian ke atas surah dari sudut metode dakwah atau pendekatannya dengan mengeluarkan satu persatu secara tertib pendekatan tersebut untuk menjadi panduan pendakwah. Kebanyakan tafsir yang ditulis hanya membuat penafsiran secara umum tanpa cuba menggarap atau mengeluarkan satu metode tertentu dalam berdakwah kepada golongan musyrikin. Keadaan ini menuntut satu usaha lain untuk meneliti penafsiran tersebut serta menyaring dan mengeluarkan metode atau pendekatan atau dasar-dasar dalam berdakwah kepada musyrikin meskipun para pentafsir bersepakat bahawa surah ini khusus menunjukkan pembicaraannya kepada golongan tersebut.

Berhubung dengan perkara kedua pula; meskipun sudah banyak kajian yang dibuat berhubung dengan Orang Asli tetapi kajian tersebut lebih tertumpu kepada bidang lain terutamanya bidang sosiologi, persejarahan, ekonomi, etnografi, kesihatan dan seni budaya sebagaimana yang banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji luar serta pengkaji tempatan.

Laporan-laporan yang dibuat mengenai kaji selidik dikalangan orang Asli semenjak awal sehingga akhir tahun tujuh puluhan, kesemuanya menunjukkan bahawa hampir keseluruhan penyelidikan dilakukan oleh penyelidik luar dengan matlamat dan tujuan tersendiri. Mereka sudah tentu tidak akan menyentuh soal yang berkaitan dengan dakwah Islam kerana tiada kaitan dan apa-apa kepentingan bagi mereka.

JHEOA telah mengeluarkan senarai kajiselidik yang telah dilakukan oleh berbagai pihak berhubung dengan orang Asli pada September 1977¹⁸. Senarai tersebut mencatatkan 121 kajian yang dibuat oleh 45 pengkaji perseorangan dan institusi semenjak 1848 hingga 1977. Jika diteliti senarai tersebut jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar pengkaji adalah dari luar. Mengikut H.M Dahlan kalau di teliti senarai tersebut didapati bahawa 95% dari kajian dan tulisan yang dilakukan sebelum tahun 1957 adalah dihasilkan oleh pegawai-pegawai Inggeris atau penyelidik yang dihantar dan menerima biaya Inggeris.¹⁹

Baharon Azhar Raffi'e dari JHEOA telah menulis satu laporan ringkas mengenai penyelidikan di kalangan Orang Asli dimana beliau telah mencatatkan sebanyak 109 penyelidikan yang dijalankan sejak 1903 hingga 1977. Semua penyelidikan tersebut adalah menyentuh perkara yang tiada kaitan dengan dakwah sebaliknya menyentuh persoalan bahasa, perekonomian, etnografi, kepercayaan suku kaum, serta adat resam dan budaya Orang Asli.²⁰

Puan Azizah Kasim pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya telah mencatatkan senarai penyelidikan mengenai Orang Asli di Universiti

¹⁸ JHEOA, *Kajilidikan Di Kalangan Orang Asli*, ibu pejabat JHEOA Kuala Lumpur, September 1977.

¹⁹ H.M Dahlan dan Shamsul Amri " *Penyelidikan Mengenai Orang Asli Dahulu dan Kini*" , *Dewan Masyarakat* 15- Februari 1978, hlm: 16.

²⁰ Lihat buku "*Keserjanaan Melayu*", koleksi Simposium Keserjanaan Melayu, suntingan Farid Mohd Onn dan Harun Mat Piah, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan Malaysia, 1977, hlm: 327-365.

Malaya untuk seminar Etnografi Orang Asli. Beliau telah menyenaraikan 91 penyelidikan dari tahun 1961 hingga 1978, namun dari senarai tersebut tidak terdapat satu kajian yang berkaitan dengan dakwah atau usaha untuk menyebarkan Islam di kalangan Orang Asli.

Perpustakaan Universiti Malaya juga telah mengeluarkan kertas yang memuatkan senarai semak bahan-bahan mengenai Orang Asli dalam pegangannya , untuk Seminar Etnografi yang diadakan di UKM pada 2-Oktober 1977. Senarai ini bertarikh September 1977 yang telah menyenaraikan sebanyak 257 bahan mengenai Orang Asli bermula tahun 1902 hingga 1976.²¹ Dari senarai pegangan tersebut tidak terdapat kajian yang dibuat berhubung dengan dakwah di kalangan Orang Asli.

Apa yang dapat disimpulkan dari kenyataan di atas ialah bahawa usaha untuk mengkaji hal-hal yang berkaitan dengan dakwah atau penyebaran agama lain di kalangan Orang Asli belum dilakukan sehingga kepada akhir tahun tujuh puluhan. Keadaan ini bukanlah merupakan satu perkara yang menghairankan kerana sebagaimana yang telah disebut oleh H.M Dahlan bahawa 95% dari kajian mengenai Orang Asli yang dilakukan sebelum tahun 1957 adalah dihasilkan oleh pengkaji luar.

Terdapat satu catatan yang telah mengabadikan sejarah paling awal mengenai aktiviti dakwah kepada Orang Asli yang berlaku di Negeri Perak tahun 1933. Usaha

ini telah dilakukan oleh naib Kadi Muhammad Salim bin Muhammad Dawi yang terkenal dengan panggilan “Lebai Salim”, di kampung Pelawan, Langkap dan Hulu Keroh Kampar Perak. Beliau telah berjaya mengislamkan 100 Orang Asli sehingga berita mengenai pengislaman tersebut telah disiarkan dalam akhbar saudara tahun 8, Bil. 609 bertarikh 6 Mei 1936. Catatan di atas telah ditulis oleh anak Lebai Salim sendiri iaitu Mohd Najmuddin.²²

Kajian-kajian yang dibuat berhubung dengan Orang Asli mungkin boleh dibahagikan kepada beberapa tahap dan peringkat iaitu peringkat awal sebelum kolonial, semasa pendudukan British dan selepas kemerdekaan atau selepas zaman kolonial. Pada peringkat awal para penyelidik Eropah melakukan penyelidikan atas dasar tertarik dan kagum dengan masyarakat Orang Asli kerana keterasingan mereka dalam corak kehidupan dibandingkan dengan dunia sosial di sekeliling mereka. Ciri-ciri istimewa yang mereka warisi telah berjaya mengekalkan cara pemikiran, termasuk sistem kepercayaan dan perubahan berabad-abad lamanya. Keadaan ini telah memperlihatkan keunikan falsafah hidup yang dapat dipertahankan oleh mereka.²³

²¹ Rujuk “Koleksi Seminar Etnografi Orang Asli, no panggilan “FDS 595 A3 SPM”, Perpustakaan Peringatan Za’ba, 1977, U.M.

²² Zakuan Sawai, *Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli: Kajian Khusus Mengenai Transformasi Minda Masyarakat Semai Selepas Memeluk Islam*. Tesis Sarjana Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1996/97, hlm: 85-86.

²³ Hood Salleh “Orang Asli Siapa Mereka?”, *Dewan Budaya*, Julai 1985, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm: 48.

Para pengkaji peringkat awal ini juga, di samping tertarik dengan keunikan masyarakat Asli mereka juga mempengaruhi Orang Asli mengenali agama Kristian.²⁴ Antara pengkaji awal ini ialah Faure,²⁵ Schebesta,²⁶ dan Vaughn-Stevens.

Antara nama-nama lain yang terlibat dalam pengkajian pada peringkat awal ini ialah Walter William Skeat dan Otto Blagden yang telah menulis sebuah buku berjudul "**Pagan Races of The Malay Peninsula**" tahun 1906. R.J. Wilkinson menulis buku berjudul "**The Aboriginal Tribes**" yang termuat dalam makalah "**Papers of Malay Subject**" 1926. Evans, I.H.H yang menulis suatu makalah dalam *Journal of Federal Malay State*, Vol. IV.Part II berjudul "**Notes on Various Aborigine Tribes of Negeri Sembilan**". Evans H.N. yang menulis buku berjudul "**The Negrito of Malaya**".

Peringkat seterusnya ialah pada zaman kolonial yang mana penyelidikan banyak dilakukan oleh pegawai dan petugas kolonial. Penyelidikan mereka pada masa ini mengikut Hood Salleh adalah berbentuk survey dan ekspedisi militer di samping berkait dengan usaha mentadbir pentadbiran kerajaan dalam bidang perlombongan dan perhutanan. Walaupun begitu terdapat juga sebilangan penulis yang menulis

²⁴ **Ibid.**

²⁵ P. Faure, Mubaligh Kristian Perancis bermazhab Roman Catholic, antara tulisan beliau ialah "**An Account of the Tribes Inhabiting the Malayan Peninsula, Sumatra and a Few Neighbouring Island 1865.**"

²⁶ Peter Paul Schebesta, ahli Antropologi German yang ditaja oleh Vatican menjalankan kajian mengenai Negrito, Antara buku beliau ialah "**Among The Forest Dwaf of Malaya 1923**" dan "**Orang Utan 1928**"

tentang Orang Asli dari berbagai sudut seperti peminat bahasa, pengembara dan etnografer yang dianggap sebagai penulis amatir.²⁷

Antara pegawai British yang terkenal menulis mengenai Orang Asli semasa perkhidmatan mereka ialah William Hunt²⁸, H.D. Noone,²⁹ I.H.N. Evans,³⁰ Rodney Needham,³¹ dan Iskandar Carey.³²

Penulisan mereka ini kebanyakannya merupakan cerita-cerita yang berdasarkan pengembaraan dan pengalaman pegawai-pegawai serta ahli pasukan keselamatan British yang ditugaskan di Persekutuan Tanah Melayu, terutamanya semasa darurat. Contohnya tulisan Hunt dalam tahun 1952 adalah dibuat berdasarkan pengalaman beliau ketika bertugas di hutan, bukan sebagai suatu kajian ilmiah. Tujuan penulisan ini adalah untuk menjadi panduan dan kegunaan pasukan keselamatan yang ditugaskan ke hutan. Hal ini telah dinyatakan oleh Iskandar Carey.³³

²⁷ Hood Salleh, *Pengajian Orang Asli Dalam Konteks Masyarakat Malaysia*, kertas kerja "Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia 11, 8-9 Jun 1987, UKM, Bangi, hlm: 8-9.

²⁸ Hunt, P.D.R. Williams pegawai pelindung Orang Asli yang pertama 1949-1953. Buku beliau mengenai Orang Asli berjudul "An Introduction To The Malayan Aborigines", tahun 1952.

²⁹ Noone H.D. pegawai pelindung orang Asli kedua yang menggantikan Williams Hunt selepas kemataiannya (1953-1961), (lihat "Nong Pai" Jan-Jun 1991). Antara tulisan beliau ialah "Note On The Benua Jakun Language, Spoken at The Sungai Lenga, Ulu Muar 1939".

³⁰ Evans I.H.N, Menulis buku "Studies in Religion in Folklore and Customs in British North Borneo and Malay Peninsula" (1923), dan "The Negrito of Malaya" (1937).

³¹ Antara tulisan beliau ialah "Ethnographic Notes on the Siwang of Central Malaya", dalam (JMBRAS Vol. XXIX Part 1) 1956.

³² Carey, Iskandar adalah Pesuruhjaya Hal Ehwal Orang Asli 1961-1968, buku beliau "Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsula Malaysia" 1976.

Kajian-kajian dan penulisan yang dibuat selepas merdeka terutama selepas tahun 60 an lebih kepada kajian ilmiah dan dilakukan secara berlanjutan sejajar dengan disiplin antropologi sosial dan pada umumnya bercorak etnografis³⁴. Kajian dilakukan oleh para pelajar dan siswazah dari universiti di Great Britain terutamanya dari Universiti Cambridge dan Oxford, Universiti di Amerika Syarikat, Australia dan Eropah. Antara mereka ini ialah Geoffrey Benjamin, (1967),³⁵ K. Endicott (1974 & 1976),³⁶ A.R. Clayton (1977),³⁷ Laird Peter Frederik (1978),³⁸ Howell Signe Lise (1980),³⁹ Barbara S. Nowak (1986),⁴⁰ dan Marina Roseman (1984 & 1993).⁴¹

Mereka ini adalah sebahagian dari nama penyelidik luar yang melakukan penyelidikan selepas tahun 60 an hingga kini. Kajian mereka merangkumi pelbagai aspek yang berbeza antara seorang pengkaji dengan pengkaji yang lain. Aspek-aspek

³³ Lihat "Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsula Malaysia", hlm: 2.

³⁴ Rajmah bt. Abdul Samad, *Komuniti Temuan Kuala Kubu Bharu: Suatu Kajian Mengenai Orang Asli Di Perkampungan Semula Dengan Menyentuh Soal Perubahan*, Tesis Sarjana 1970, Fakulti Sastera U.M, hlm: 49. Hood Salleh, "Pengajian Orang Asli Dalam Konteks Masyarakat Malaysia", *Op Cit*, hlm: 12.

³⁵ Kajian beliau hampir keseluruhannya di tumpukan kepada etnik Temiar. Tesis Ph.D beliau untuk Universiti Cambridge juga adalah kajian mengenai Temiar berjudul "**Temiar Religion**", 1967.

³⁶ Kajian Beliau "**Batek Negrito Economy and Social Organisation**", Tesis Ph.D, Universiti Harvard dan "**Batek Negrito Religion**", Tesis Ph.D, Universiti Oxford.

³⁷ Kajian beliau "**Semai Nonviolence: A System Approach to Understanding**", Dissertasi Ph.D Universiti California, Riverside.

³⁸ Kajian beliau "**Temoq Shamanism and Affliction, a preliminary Investigation**", Dissertasi Ph.D Universiti Monash.

³⁹ Kajian beliau "**Che Wong Modes of Thought**", Tesis Ph.D Universiti Oxford.

⁴⁰ Kajian beliau "**Marriage and Household: Besis Response to a Changing World**" Dissertasi Ph.D Universiti State, New York.

⁴¹ Penolong Professor muzik dan Antropologi Universiti of Pennsylvania. Kajian beliau ialah "**The social Structuring of Sound: The Temiar of Peninsula Malaysia, Ethnomusical**", tesis Ph.D Universiti Monash, Melbourn. Buku beliau yang terbaru (1993) "**Healing Sounds From The Malaysian Rainforest, Temiar Music and Medicine**".

yang dikaji oleh mereka ini ialah; etnografi, adat, pantang larang dan kepercayaan, serta perubahan sosio ekonomi termasuk juga muzik yang dikaji oleh Marina Rosman.

Penyelidik tempatan mula terlibat dalam bidang penyelidikan Orang Asli dengan lebih jelas dan serius apabila telah wujud empat buah universiti di Malaysia, dimana pelajar-pelajar dan sarjana tempatan mula terlibat sama. Satu seminar Khusus mengenai etnografi Orang Asli telah diadakan pada tahun 1977 di universiti Malaya oleh Asian Studies Association yang diketuai oleh Prof. Mohd Taib Osman dari Jabatan Pengajian Melayu Universiti tersebut.⁴² Keadaan ini merangsangkan kepesatan penyelidikan di kalangan Orang Asli melalui keterlibatan penyelidik tempatan yang melihat Orang Asli dari kacamata tamadun Malaysia sendiri. Antara penyelidik tempatan yang terlibat ialah Abdullah Hassan (1969),⁴³ Baharon Azhar Raffei,⁴⁴ Hood Mohd Salleh,⁴⁵ Jimin Idris,⁴⁶ Naim Haji Ahmad,⁴⁷ Juli Edo,⁴⁸ Mohd Tap Salleh,⁴⁹ Amran Kasimin.⁵⁰

⁴² Hood Salleh, Pengajian Orang Asli Dalam Konteks Masyarakat Malaysia", *OpCit*, hlm: 9.

⁴³ Beliau telah membuat kajian mengenai bahasa di Kalangan Masyarakat Temuan untuk mendapatkan Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya tahun 1969. Tajuk Sarjannya " **Fonoloji-mofoloji Bahasa Orang Melayu Asli-Dialek Temuan**".

⁴⁴ Beliau ialah Ketua Pengarah JHEOA (1968-1986). Banyak sekali menulis dan membuat kajian mengenai Orang Asli. Tesis Ph.D beliau untuk Universiti Cambridge tahun 1973 adalah mengenai Orang Asli, judulnya " **Parit Gong : An Orang Asli Community In Transition**".

⁴⁵ Prof. Madya di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM. Banyak melakukan kajian, menulis berbagai makalah dan membentangkan kertas-kertas kerja berhubung dengan Orang Asli. Tesis Ph.D nya berjudul " **Semelai Ritual of Curing**" St. Catherine's Universiti Oxford" 1978.

⁴⁶ Ketua Pengarah JHEOA (1986-1994). Antara kajian beliau mengenai Orang Asli " **Distribution of Orang Asli in West Malaysia**" 1968.

⁴⁷ Kajian beliau untuk tesis Ph.D nya berjudul " **The Film "Nomad of The Jungle" (NOTJ-Malaya 1948) A Review Comparative Study of Nomad's Group Lifestyle as Portrayed in The Film and as Observed in The Present**", 1987.

Kajian yang berkaitan dengan usaha dakwah atau yang bersangkutan dengan dakwah di kalangan masyarakat Orang Asli tidak didapati kecuali dalam pertengahan tahun tujuh puluhan dan awal lapan puluhan. Keadaan ini terjadi kerana usaha dakwah kepada masyarakat Orang Asli tidak diberikan perhatian oleh masyarakat Islam di Malaysia baik perseorangan mahupun pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan. Meskipun Kerajaan telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sejak tahun 1954 lagi, namun fungsi utama penubuhan tersebut pada peringkat awalnya lebih kepada soal-soal keselamatan dan pembangunan fizikal. Matlamat asalnya adalah untuk mengawal masyarakat Orang Asli di zaman darurat agar tidak menjadi agen yang membantu pihak komunis dalam menentang kerajaan. Disamping itu juga untuk meningkatkan taraf hidup mereka serta mengintegrasikannya ke dalam masyarakat nasional.⁵¹

Program yang berbentuk pembangunan rohaniah hanya bermula dalam tahun tujuh puluhan apabila Unit Pembangunan Rohaniah (UPR) ditubuhkan di bawah bahagian penyelidikan dan penerangan JHEOA pada tahun 1973.⁵² Namun begitu unit

⁴⁸ Seorang penyelidik Orang Asli keturunan Semai, menjalankan kajian mengenai "Agama dan Perubatan Semai" Tesis Sarjana, UKM, 1988.

⁴⁹ Kajian beliau mengenai Orang Asli untuk tesis Ph.D. Universiti of Bath berjudul "An Examination of Development Planning Among the Rural Orang Asli West Malaysia" 1990.

⁵⁰ Kajian beliau untuk tesis Ph.D nya bagi Universiti Aberdeen berjudul "Religion and Social Change Among the Indigenous People of The Malay Peninsula", 1991.

⁵¹ Osman S. Cassim, *Panduan Tugas Pembangunan Orang Asli Di Dalam Masyarakat Malaysia Moden*, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, 1978, hlm: (iii).

⁵² JHEOA, *Ringkasan Program*, t.t, hlm: 11.

ini tidak boleh menonjolkan identitinya sebagai sebuah badan atau unit yang berusaha mengislamkan masyarakat Asli. Dengan itu usaha memperkenalkan Islam berjalan dalam bentuk tidak formal melalui pendekatan *bi al-hā'il*.

Usaha terawal yang dilakukan dalam bentuk organisasi tersusun ke arah dakwah keluar berlaku dalam tahun 1960 apabila Perdana Menteri Malaysia pertama Y.T.M. Tunku Abd. Rahman Putra al-Haj menubuhkan PERKIM untuk menjalankan usaha dakwah secara berkesan di kalangan orang Islam dan bukan Islam. Meskipun PERKIM di tubuhkan semenjak tahun 1960 lagi namun tumpuan dakwah kepada Orang Asli baru dimulakan dalam tahun 1984 melalui klinik bergerak.⁵³

Majlis Kebangsaan Islam mula menjalankan dakwahnya kepada Orang Asli sekitar tahun 1972 melalui kerjasama dengan JHEOA. Projek pertamanya ialah menjadikan kampung baharu Orang Asli di Ulu Pangson Selangor sebagai kampung angkat. Antara kerjasama juga ialah melantik seorang guru agama yang ditempatkan di hospital Orang Asli batu 12 Gombak dengan Majlis Kebangsaan Islam membayar elaun guru agama tersebut.⁵⁴

⁵³ Wawancara dengan Ustaz Haji Shahidan bin Hj. Abdullah, Timbalan Pengarah Dakwah PERKIM di pejabatnya di Bangunan PERKIM jalan Ipoh pada 18-6-98, jam 10-11 pagi.

⁵⁴ Muhammad Bakir bin Hj. Mansor, **Sejauhmana Usaha-usaha Yang Dibuat Oleh Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Bagi Menarik Orang-Orang Bukan Islam Memeluk Islam Dan Usaha-Usaha Selanjutnya**, kertas kerja "Seminar Dakwah Saudara-Saudara Baru", anjuran bersama JAWI dan PERKIM pada 7 Nov 1982, hlm: 1-2.

Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) yang diwujudkan pada tahun 1974, telah mewujudkan sebuah unit kecil untuk mengendalikan dakwah kepada Orang Asli. Namun unit ini tidak bergerak sehinggalah pada tahun 1980 apabila INDAH mula menganjurkan beberapa kursus dengan melibatkan penyertaan dari kalangan kakitangan JHEOA khususnya dari Unit Pembangunan Rohaniah. Di samping itu beberapa program kursus kepada masyarakat Orang Asli yang beragama Islam serta lawatan ke perkampungan mereka diadakan dari semasa ke semasa.

Menyedari perlunya usaha dakwah kepada Orang Asli diselaras dan dipertingkatkan, maka Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada bulan Oktober 1984 telah menubuhkan jawatankuasa yang dinamakan “Badan Petugas Penyelarasan Kebajikan Dan Kerohanian Orang Asli Peringkat Kebangsaan”.⁵⁵

Pada tahun 1985 Bahagian Agama di tukar nama kepada Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, (BAHEIS). INDAH merupakan satu cawangan di bawah BAHEIS. Dibawah INDAH terdapat Unit khas yang bertanggungjawab secara khusus berhubung dakwah kepada Orang Asli. Oleh kerana unit ini kecil dan mengendalikan banyak urusan berhubung dengan dakwah kepada berbagai kumpulan sasaran, maka tumpuan dakwah kepada orang Asli kurang diberi perhatian. Ekoran dari itu Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dalam persidangan yang ke

⁵⁵ BAHEIS, *Nota Taklimat Khas Aktiviti Dakwah Kepada Orang Asli*, 1994, hlm: 3.

19 pada 22 April 1991 telah meluluskan penubuhan cawangan dakwah khas Orang-Orang Asli atau ringkasnya “DOA”.⁵⁶

Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama negeri-negeri baru memberikan tumpuan kepada dakwah keluar selepas tahun 1982 apabila Unit Ukhuwwah di tubuhkan di bawah bahagian dakwah dengan fungsinya dikhususkan kepada hal-hal yang berkaitan dengan dakwah kepada non-Muslim.⁵⁷

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), yang ditubuhkan pada tahun 1971, dalam muktamarnya yang ke 12 telah menubuhkan satu biro yang dinamakan “Biro Tugas-tugas Khas” yang akan berfungsi sebagai badan yang akan memainkan peranan kearah mendakwah golongan non-Muslim. Biro ini telah dibentuk pada tahun 1985 yang kemudiannya telah mengilhamkan pembentukan Islamic Out-Reach ABIM”.⁵⁸

I.O.A memulakan dakwahnya kepada Orang Asli pada tahun 1992 dengan mengambil pengalaman yang diperolehi dari usaha sama PERKIM- RISEAP dalam

⁵⁶ **Ibid.**

⁵⁷ Zakuan Sawai, *Op Cit*, hlm: 57-58.

⁵⁸ Nor Patimah Abd.Rahim, **Islamic Outreach ABIM: Pendekatan Dakwah Terhadap Non Muslim Dan Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan**, Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, 89/90, hlm: 52.

membangunkan masyarakat Orang Asli di Kampung Kuala Boh, Cameron Highland Pahang.⁵⁹

Hasil dari kesedaran umat Islam untuk melakukan dakwah kepada Orang Asli, maka telah diadakan seminar dari semasa ke semasa untuk membincangkan pelbagai aspek seperti metodologi dakwah, masalah dan halangan dalam usaha dakwah kepada Orang Asli, mengenali Orang Asli dari dekat untuk menggarapkan suatu pendekatan yang sesuai dan lain-lain yang berkaitan. Antara seminar tersebut ialah seminar dakwah kepada Orang Asli yang telah di anjurkan oleh PERKIM pada 21-23 Mei 1980 berjudul “Seminar Dakwah Islamiah Di Kalangan Masyarakat Orang Asli Malaysia”. Seterusnya “Seminar Dakwah Saudara-Saudara Baru”, anjuran bersama JAWI dan PERKIM pada 7 Nov 1982. Pada tahun 1988 BAHEIS pula telah menganjurkan seminar “ Kesedaran Umat Islam Untuk Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia”, pada 21 Ogos. Seterusnya BAHEIS menganjurkan satu bengkel dakwah selama tiga hari di Strawberry Park Resort, Cameron Highland iaitu pada 3-5 Mei 1993. Tajuk bengkel ini ialah “ Metodologi Dakwah Kepada Orang Asli”. Bengkel ini telah menjemput ahli-ahli akademik serta pakar-pakar dalam bidang dakwah untuk memberikan pandangan serta pengalaman mereka tentang pendekatan terbaik dalam melakukan dakwah kepada Orang Asli. Pada 18 Jun 1993 Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM telah menganjurkan “Bengkel Dakwah Non-Muslim”.

⁵⁹ Zakuan Sawai, *Op Cit*, hlm: 65. Nordin bin Ahmad, **Dakwah Dan Orang Asli Di Semenanjung**

Dari apa yang dibentangkan di atas dapat dilihat bahawa usaha untuk berdakwah di kalangan Orang Asli di Malaysia baru bermula di awal tujuh puluhan dan semakin pesat dari masa ke semasa hingga kini. Oleh kerana usaha untuk berdakwah kepada masyarakat Orang Asli berlaku agak kemudian berbanding dengan umur kemerdekaan dan penubuhan Majlis Agama serta Jabatan Agama Negeri-negeri, maka begitu jugalah penulisan serta kajian yang berbentuk dakwah dengan sendirinya berlaku agak kemudian setelah berjalannya usaha dakwah. Tulisan-tulisan dan kajian yang menyorot tentang dakwah di kalangan orang Asli bermula di akhir tahun tujuh puluhan setelah tertubuhnya Universiti Kebangsaan yang terdapat di dalamnya Fakulti Pengajian Islam U.K.M. Begitu juga dengan tertubuhnya Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada tahun 1982. Pelajar-pelajar dari kedua institusi ini termasuk dari institusi lain juga, telah melakukan penyelidikan dan latihan ilmiah untuk mendapatkan sarjana muda dalam bidang pengajian mereka, terutamanya dari Jabatan Usuluddin dan Falsafah, FPI, U.K.M, dan Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Sebagai contohnya Ahmad Ismail Menulis “Komuniti Orang Asli Kg.Bukit Tampoi, Sepang Selangor: Tinjauan Perbandingan Sosio-Budaya Menurut Islam” Latihan Ilmiah UKM, 1984. Siti Rohani bt. Jahit menulis Latihan Ilmiah berjudul “ Satu Analisa Sosio-Budaya Masyarakat Orang Asli, Penekanan Khusus Kepada Akidah Dan Kepercayaan Mereka Serta Perbandingannya Dengan Masyarakat Islam”, Jabatan Usuludin dan Falsafah, FPI, UKM, 1983/84. Rohima bt.

Malaysia: Kajian Khusus Terhadap Rumpun Bangsa Temuan Di Negeri Selangor, Tesis Sarjana , Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998. hlm: 202.

Muda, “ Peranan JHEOA Dalam Perkembangan Islam Di Kalangan Orang Asli Semenanjung Malaysia”, Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin, FPI, UKM, 1988. Mohamad bin Awang Nor, “Islam Di Kalangan Masyarakat Orang Asli Di Ulu Lebir (Pasir Lebir) Kelantan”, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, 1987. Johar bin Aziz, “Perkampungan Orang Asli Di Kampung Bukit Gemuruh, Pahang: Adat Kepercayaan Dan Pendekatan Dakwah”, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, 1989. Norazizahwati bt. Said, “Penyebaran Dakwah Islamiah Di Kalangan Orang Asli: Satu Tinjauan Tentang Peranan JHEOA Negeri Pahang Darul Makmur”, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, UM 1989.

Kajian terbaru mengenai dakwah di kalangan Orang Asli dilakukan oleh dua orang pegawai dakwah JAKIM untuk mendapatkan Sarjana di bidang pengajian dakwah dari Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Mereka berdua ialah En, Nordin bin Ahmad dengan tesisnya bertajuk “ Dakwah Dan Orang Asli Di Semenanjung Malaysia: Kajian Khusus Terhadap Rumpun Bangsa Temuan Di Negeri Selangor”, 1998, dan En, Zakuan bin Sawai, dengan tesisnya bertajuk “Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli: Kajian Khusus Mengenai Transformasi Minda Masyarakat Semai Selepas Memeluk Islam”, 1997.

Dari kajian ini pengkaji berharap dapat menghasilkan satu kaedah pendekatan dakwah yang baik dan berkesan dalam berdakwah kepada Orang Asli di Malaysia